

# Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya

## Planning on Wealth Distribution During Lifetime in Islam: Concept and Its Importance

Muhamad Husni Hasbulah (Pengarang Penghubung)

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Tel: +60125630476 E-mel: [husni.wan88@gmail.com](mailto:husni.wan88@gmail.com)

Mohd Zaidi Daud

Jabatan Syariah dan Undang-Undang

Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +60193811607 E-mel: [zaididaud@um.edu.my](mailto:zaididaud@um.edu.my)

### Abstrak

Perancangan terhadap pembahagian harta semasa hidup adalah aspek yang harus diperlakukan dengan lebih meluas. Melalui perancangan pembahagian harta ia mampu menjaga kepentingan pemilik dan bakal penerima-penerima harta sama ada semasa hidup mahupun selepas kematian. Memahami dasar perancangan pembahagian harta berasaskan al-Quran dan hadis mampu memberi panduan kepada orang Islam dalam memahami keperluan dan kepentingan merancang harta semasa hidup. Oleh itu, artikel ini akan mengupas antaranya konsep perancangan harta semasa hidup, kedudukan dan nilai-nilainya dalam Islam dan kepentingannya. Melalui kupasan tersebut, ia mampu memberikan impak terhadap pembahagian harta orang Islam yang seharusnya melihat aspek perancangan semasa hidup adalah sesuatu yang amat penting untuk diperlakukan dengan lebih meluas. Apatah lagi dengan pelbagai isu yang berlaku berkaitan pembahagian harta di kalangan orang Islam pada masa kini yang memerlukan kepada penyelesaian secara komprehensif dan sistematis. Di akhir penulisan ini, penulis menerangkan bahawa melalui perancangan pembahagian harta yang dibuat semasa hidup tanpa perlu menunggu kepada kematian mampu untuk mengurangkan beberapa permasalahan

yang berlaku di kalangan orang Islam berkaitan dengan soal pembahagian harta.

**Katakunci:** Perancangan; Harta; Pembahagian Harta; Al-Quran; Hadis

### Abstract

The planning of wealth distribution during one's lifetime is an aspect that should be practised and recognized widely. By having a wealth distribution planning, one is able to protect the interests of the owners themselves and the prospective recipients of the property, whether before or after death. Understanding the policies of the distribution of wealth based on the al-Quran and Hadith will help to guide Muslims in understanding the needs and importance of planning assets while they are still alive. Therefore, this article will explore the concept of estate planning, its value and importance in the Islamic point of view. Through this descriptive analysis, a positive change of mindset is able to be implemented onto the Muslim community on wealth distribution which would aid them in realizing that the plan is very important and should be practiced more commonly. Furthermore, various issues, that occur in relation to the distribution of property amongst Muslims, call for the need to promote comprehensive and systematic solutions. At

the end of this paper, the writers will show that through wealth distribution planning completed during lifetime without having to wait for death, the problems that occur amongst Muslims with regards to the distribution of property will be mitigated.

**Keywords:** Planning; Wealth; Wealth Distribution; Al-Quran; Hadis

## Pengenalan

Harta merupakan satu keperluan dalam kehidupan manusia yang ingin dimiliki oleh semua orang sama ada berbentuk *daruriyyah*, *hajiyyat* mahupun *kamaliyyat* (Yahaya & Azhar, 2005). Islam tidak melarang manusia untuk mengumpul dan memperolehi harta malah ianya dituntut dalam agama Islam bagi mencapai kesenangan di dunia dan akhirat. Kitaran berkaitan dengan harta dapat dilihat dari aspek pengumpulan, perbelanjaan, penggunaan, penyimpanan dan juga pembahagian. Harta yang dimiliki akan dapat terus dinikmati sekiranya ianya bijak dirancang dan diuruskan oleh pemilik harta sama ada untuk dirinya sendiri mahupun bagi memenuhi keperluan orang yang berada di sekelilingnya. Tanpa perancangan dan pengurusan yang baik terhadap harta, ia boleh memberikan kesan yang negatif terhadap pemilik harta dan harta itu sendiri. Tuntutan terhadap perancangan dan pengurusan harta semasa hidup juga adalah sebahagian daripada tuntutan agama Islam kepada penganutnya. Ini selari dengan intipati daripada Surah al-Nisa' ayat 9 yang menegaskan bahawa perlunya perancangan bagi masa depan keluarga dan kebijaksanaan dalam menguruskan kewangan dan harta sebagaimana yang terakam di dalam Surah al-Hasyr menerusi ayat 18.

Perancangan merupakan satu proses dalam menguruskan harta yang dibuat semasa hidup bagi kepentingan dan kemudahan pemilik dan juga mereka yang berkepentingan dengannya. Pelbagai kesan berlaku akibat daripada kegagalan merancang harta terutama apabila pemilik harta mati tanpa berbuat apa-apa

terhadap harta yang dimilikinya. Di antaranya ialah pertelingkahan dan ketidakpuasan hati sesama ahli waris, pembekuan aset harta orang Islam yang dianggarkan berbilion ringgit (Utusan Malaysia, 2010; Dalia, 2008), kos dan proses urusan melalui agihan pusaka yang tinggi dan rumit (Ahmad Hidayat, 2008), tanggapan bahawa sistem faraid sudah mencukupi untuk mengagihkan harta selepas berlakunya kematian seseorang (Ahmad Hidayat, 2007), isu anak angkat, anak tak sah taraf dan waris-waris yang dihalang daripada menerima pusaka yang sangat berhajat kepada bantuan serta mereka yang mempunyai ahli keluarga bukan Islam untuk diberikan harta dan sebagainya (Ahmad Hidayat, 2007; Mohd Zamro & Mohd Ridzuan, 2006). Begitu juga soal wang tidak dituntut berpunca daripada penerima harta telah meninggal dunia, penerima belum cukup umur, penerima cacat daya pemikiran dan penerima tidak dapat dikesan (Siti Mashitoh, 2009). Ketiadaan dan kegagalan merancang harta semasa hidup ini boleh membawa kerugian di kalangan orang Islam. Bahkan tanpa penyelesaian yang komprehensif, ia boleh menyebabkan isu tersebut terus berpanjangan dan membelenggu pengurusan dan pentadbiran harta orang Islam di Malaysia.

Oleh itu, hal ini seiring dengan perkembangan ekonomi yang pada hari ini menghendaki agar orang Islam melakukan perubahan minda dan serius soal pembahagian dan pengurusan harta semasa hidup. Sekiranya permasalahan tersebut terus berlanjutan, maka ia adalah satu kerugian bagi orang Islam. Penekanan terhadap soal perancangan pembahagian harta haruslah diberi perhatian semasa hidup tanpa perlu menunggu kepada kematian kerana ianya akan memberikan impak yang positif selaras dengan tuntutan hukum Syarak. Bahkan amalan merancang awal terhadap pembahagian harta kepada waris dan bukan waris umpamanya mampu membawa kebaikan kepada semua pihak sama ada semasa hidup mahupun selepas kematian pemilik harta.

## Konsep Perancangan Harta

Perancangan merupakan satu bentuk rangkaian aktiviti yang menyeluruh dalam mencapai pelbagai matlamat yang telah ditentukan oleh seseorang individu. Kemampuan dalam membuat perancangan yang baik akan membawa kepada kejayaan dan mencapai matlamat serta kemahuan yang diinginkan. Dessler (2002) mendefinisikan perancangan sebagai proses pembentukan objektif dan siri tindakan, serta mengutamakan perlakuan tindakan. Menurut Waterson (1965), perancangan adalah satu usaha yang teratur, disedari dan berterusan bagi memilih alternatif yang paling baik untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu. Perancangan merupakan jambatan penghubung antara masa kini dan masa akan datang. Ianya mengagaskan senario yang dikehendaki dan menggariskan langkah-langkah untuk merealisasikannya berasaskan fakta dan angka masa kini serta kemungkinan-kemungkinan masa depan (Siddiq et al., 2010).

Bettelheim (1959) melihat perancangan bukan hanya tertumpu dalam bidang ekonomi semata-mata tetapi semua perkara kerana ia sebenarnya meliputi keseluruhan tatacara, kaedah atau proses yang diputuskan dalam kerangka melaksanakan sesuatu projek dan tugas. Idea daripada maksud perancangan ini boleh dilihat dalam dua unsur iaitu yang pertama wujudnya satu tugas atau perkara yang ingin dicapai dan yang kedua terdapatnya tatacara atau kaedah yang digunakan dalam mencapai objektif yang dikehendaki. Proses perancangan memerlukan banyak maklumat yang relevan termasuk kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku. Sebagai tahap awal dalam proses pengurusan, perancangan meliputi penepatan objektif yang realistik dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan serta perubahan-perubahan dalam realiti masa dan persekitaran. Oleh itu, dalam mencapai sesuatu objektif maka perlu diadakan langkah-langkah yang perlu dalam sesebuah perancangan.

Selain itu, Azman (2003) menyatakan bagi

tujuan akademik, perancangan ditakrifkan sebagai satu proses menentukan objektif yang dikehendaki dan seterusnya membina strategi-strategi tindakan yang sesuai dan terbaik dengan mengambil kira faktor-faktor dalaman organisasi dan persekitaran luaran yang akan mempengaruhi kehidupan sesebuah organisasi untuk mencapai objektif tersebut. Manakala al-Sayyid (1976) pula mendefinisikan perancangan sebagai mengelola, mengendali dan menyediakan segala yang berguna untuk menggerak atau menjalankan sesuatu bahan, alat, modal dan tenaga. Muhammad Abd al-Mun'im (t.t.) pula mendefinisikan perancangan sebagai menentukan bentuk pekerjaan yang akan dikerjakan dengan mengatur segala persiapan untuk menghadapi bentuk kemungkinan yang akan datang.

Istilah perancangan harta merupakan gabungan daripada dua kata nama yang berbeza iaitu perancangan dan harta. Penulisan yang mengkaji tentang perancangan harta di luar negara sama ada buku maupun artikel jurnal menggunakan istilah *estate planning* bagi merujuk kepada perancangan harta. Perancangan harta ditakrifkan sebagai “*providing for the desired personal, economics and legal consequences in the accumulation, conservation and distribution of your property. Its is process of arranging for the well being of your family and the use of your property to accomplish your objectives while you are living and after your death*” (“providing for the desired,” 2010). Perancangan harta juga adalah mempelajari tentang prinsip-prinsip perancangan terhadap penggunaan, penjagaan/pemilikan dan perpindahan harta seseorang individu (Prestopino, 2004).

Menurut Kapoor (2003), perancangan harta merupakan suatu perancangan untuk menentukan dan mentadbir pengurusan terhadap harta pusaka yang dimiliki oleh seseorang sepanjang kehidupannya dan perancangan selepas kematianya. Ini termasuk masalah mengenai kepada harta itu akan dibahagikan dan apakah yang akan dilakukan terhadap harta tersebut selepas kematian seseorang.

Clifford (2007) pula menyatakan bahawa perancangan harta adalah memutuskan siapa yang akan memperolehi harta selepas kematian pemilik harta dan membuat pilihan bagaimana harta tersebut akan dipindahmilikkan selepas berlakunya kematian.

Konsep perancangan harta dalam Islam yang komprehesif telah diberikan oleh Othman (2006) iaitu perancangan harta merujuk kepada suatu perancangan yang mampu dilaksanakan dengan cara seseorang semasa hayatnya memperolehi, mengurus dan mengagihkan hartanya kepada waris-waris dan benefisiari mengikut budi bicara serta adil di samping ia dapat mengawal, memantau dan memanfaatkan harta itu untuk penerima, dirinya dan keluarga semasa hayat dan selepas kematian. Perancangan harta juga merujuk kepada satu aktiviti merancang oleh seseorang individu untuk memindahmilikkan harta yang dimiliki kepada orang lain berdasarkan kepada hukum syarak (Sadali, 2006). Tambah Mancer (1994), perancangan harta melibatkan penggunaan pelbagai cara yang sah di sisi undang-undang untuk memperolehi, memegang/memiliki harta dan kemudiannya memberikan/mengagihkan kepada orang lain khususnya donor dan pada masa yang sama mendapat kepuasan daripada rancangan yang dibuat. Meek (1991) menyatakan terdapat lima perkara asas kepada perancangan kewangan seperti perancangan persaraan, perancangan harta, perancangan perlindungan keluarga, perancangan cukai pendapatan dan perancangan persekolahan atau pendidikan.

Menurut Rosenbloom (t.t.) perancangan harta merupakan suatu kepentingan hasil daripada melaksanakan perancangan dan melakukan tindakan dalam tempoh perancangan itu. Ianya melibatkan pelbagai proses iaitu mengumpul, menjaga dan mengagihkan harta dengan cara yang paling efektif dan cekap dalam mencapai objektif yang ingin dicapai oleh seseorang. Bagi West & Wood (1972), perancangan harta bukan sahaja terbatas kepada pembahagian harta yang bagi orang yang telah meninggal mahupun hampir meninggal. Bagi Yuen Seong (1999),

merancang harta merupakan satu keperluan untuk melaksanakan perancangan kewangan terhadap seseorang seperti cukai pendapatan dan keadaan harta tersebut semasa persaraan serta pengurusan terhadap wasiat selepas kematian seseorang.

Menurut Eu Jin (2004), perancangan harta merujuk kepada membuat ketetapan yang diperlukan bagaimana harta yang dimiliki sekarang ini akan dibahagikan apabila seseorang pemilik harta meninggal dunia. Ini bererti setiap individu perlu kepada pertimbangan untuk memikir, merancang dan mengambil langkah-langkah terhadap duit dan harta-harta lain yang dimiliki. Seharusnya merancang bagaimana mereka akan menguruskan harta tersebut dan siapakah yang akan menerimanya nanti. Perancangan ini termasuklah dalam mengadakan dokumen seperti penulisan wasiat dan membuat senarai terhadap kesemua harta untuk dibahagikan selepas berlakunya kematian (Tan & Huan, 2004).

Hasil daripada penelitian terhadap pendefinisan dan konsep yang telah diberikan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa unsur pertimbangan yang penting dan harus ada ketika proses merancang harta antaranya seperti menetapkan apakah objektif/matlamat yang dikehendaki; bagaimana kaedah yang akan digunakan dalam pindah milikan harta; perancangan dan perlaksanaan semasa hidup untuk kemudahan pemilik harta dan akhirnya siapakah yang akan menerima harta tersebut. Kesemua elemen tersebut hendaklah berlandaskan hukum dan prinsip-prinsip Syarak yang telah ditentukan oleh Allah (s.w.t). Oleh itu, perancangan harta memerlukan kepada beberapa siri awalan, strategi dan tindakan bagi memastikan setiap objektif dan keinginan oleh pemilik harta tercapai dan mengikut hukum Syarak.

### **Kedudukan Perancangan Harta dalam Islam**

Perancangan bukanlah suatu perkara asing dalam Islam, bahkan ia merupakan mekanisme

penting dalam mencapai dan menjayakan sesuatu perkara. Di dalam Surah al-Hasyr, ayat 18 ada menyentuh mengenai kepentingan merancang untuk mencapai kejayaan. Allah (s.w.t) telah menyarankan agar kaum Muslimin sentiasa bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan yang akan datang.

Niat dan yakin kerana Allah (s.w.t) dalam setiap perkara yang dirancang adalah amat penting dengan disusuli tawakkal kepada-Nya bagi memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat. Ini kembali kepada asas utama manusia diciptakan oleh Allah (s.w.t) sebagai khalifah di muka bumi yang bertindak menjalankan segala amanah Allah (s.w.t). Apalah lagi harta yang dikurniakan oleh Allah (s.w.t) kepada manusia hanyalah bersifat sementara untuk berkongsi dan bukannya menjadi hak mutlak seseorang individu kerana ia akan kembali kepada Allah (s.w.t). Ini merupakan unsur dan prinsip penting dalam membantu niat dan matlamat seseorang individu dalam merancang harta tanpa ada sebarang bentuk ketidakadilan, persengketaan, penindasan dan sebagainya.

Dengan melakukan persediaan-persediaan tertentu, secara tidak langsung seseorang itu telah melibatkan diri dalam proses perancangan. Pengajaran ini dapat diambil daripada kisah Nabi Yusuf a.s yang bertindak sebagai perancang untuk menyelamatkan rakyat negara Mesir dari ditimpa malapetaka. Nabi Yusuf a.s telah dipertanggungjawabkan untuk merancang ekonomi Mesir dengan menyimpan pendapatan yang diperolehi bagi menghadapi zaman kegawatan pada tujuh tahun kemudiannya. Rancangan tersebut berjaya menyelamatkan rakyat negara Mesir dan jirannya daripada menghadapi musim kemarau dan kebuluran yang dahsyat (Muhammad, 1994). Persediaan awal untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan pada masa hadapan adalah amat perlu dan ianya amat dituntut kerana apa yang berlaku pada masa hadapan hanya Allah (s.w.t) sahaja yang tahu mengenainya. Oleh itu, seseorang Muslim hendaklah menjadi perancang yang baik sebelum melakukan sesuatu tindakan.

Allah (s.w.t) adalah sebaik-baik perancang dan manusia hanya merancang tetapi Allah (s.w.t) yang akan menentukan.

Semangat perancangan juga dapat diambil iktibar daripada peristiwa hijrah Rasulullah (s.a.w) di mana perancangan yang telah dibuat oleh Rasulullah (s.a.w) sangat teliti dan rapi serta memastikan setiap apa yang dirancang berjaya. Selain itu, Rasulullah (s.a.w) juga berpesan supaya umatnya merancang masa hadapan termasuklah merancang harta. Rasulullah (s.a.w) bersabda yang bermaksud: “*Gunakanlah lima perkara sebelum lima perkara; masa muda sebelum masa tua, sihat sebelum sakit, kaya sebelum miskin, masa lapang sebelum sibuk dan hidup sebelum mati*” (Abu Bakar, 2003). Ini menunjukkan bahawa manusia hendaklah menggunakan kesempatan yang ada sebelum datangnya kesempitan yang bakal menimpa. Harta kekayaan yang sedia ada haruslah disimpan dan digunakan sebaik mungkin sebelum berlakunya kemiskinan yang akan tiba bila-bila masa. Pesanan ini tidak lain tidak bukan adalah untuk memberitahu kepada manusia perlunya kepada membuat perancangan yang sewajarnya.

Konsep kehidupan di akhirat sebenarnya jelas menunjukkan satu bentuk perancangan yang harus dilakukan oleh semua umat manusia di atas muka bumi ini. Ini kerana alam dunia yang dihuni adalah tempat di mana seseorang itu merancang dan menguruskan diri sebagai bekalan di akhirat yang kekal abadi. Firman Allah (s.w.t) bermaksud: “*Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Dan sesungguhnya pada hari kiamat sajalah disempurnakan pahalamu. Barangsiapa dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sungguh ia beruntung. Kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan*” (Al-Quran 3:185). Petikan ayat di atas menunjukkan bahawa setiap individu haruslah mempunyai perancangan dalam apa jua tindakan di dunia ini kerana ia akan dipersoalkan di akhirat kelak.

Ilmu perancangan yang mendarangkan faedah kepada semua orang dan tidak bercanggah dengan prinsip Islam merupakan suatu bidang ilmu yang harus dipelajari serta diamalkan khususnya dalam merancang harta. Tetapi sekiranya digunakan untuk tujuan yang bercanggah dengan prinsip dan ajaran Islam, maka ia merupakan suatu kesalahan. Ilmu itu sifatnya adalah berkecuali dan yang menentukan salah atau betul ialah manusia dan kegunaannya (Zainal Abidin, 1998). Ini adalah berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan oleh “*al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*”, iaitu asal sesuatu itu adalah harus sehingga adanya dalil syarak yang menunjukkan perkara tersebut adalah haram (al-Nadawi, 1994; Hassan & Muhammad Salleh, 1998). Oleh itu, dengan wujudnya pelbagai bentuk instrumen dalam Islam seperti wakaf, hibah, wasiat dan amanah yang mempunyai prinsip-prinsip tertentu yang harus diikuti berlandaskan hukum syarak sudah pasti mampu memenuhi impian dan hasrat pemilik harta terhadap harta yang dimilikinya. Ini kerana, bentuk-bentuk instrumen yang disediakan khusus dalam pembahagian harta atau pindah milikan dalam Islam sama ada berkuatkuasa semasa hidup mahupun selepas berlakunya kematian pemilik harta boleh diaplikasi dalam pelbagai keadaan dan situasi.

### **Prinsip Perancangan Harta Dalam Islam**

Islam merupakan ajaran yang lengkap diturunkan kepada manusia sebagai satu cara hidup yang dapat memenuhi setiap keperluan hidup manusia di dunia dan akhirat. Firman Allah (s.w.t) yang bermaksud: “*Pada hari ini telah Aku sempurnakan untuk kamu agama kamu dan telah Aku kurniakan dengan sempurna kepada kamu akan nikmat-Ku serta Aku telah restui untuk kamu agama Islam sebagai cara hidup kamu*”. (Al-Quran 5:3). Firman Allah (s.w.t) lagi, yang bermaksud: “*Tidak Kami kurangkan (tinggalkan di dalam al-Quran itu suatu apapun*” (Al-Quran 6: 38)

Kedua-dua firman Allah (s.w.t) tersebut telah memberikan butiran yang jelas bahawa semua

keperluan manusia telah ditentukan dan disediakan oleh Allah (s.w.t) kepada manusia. Setiap perkara yang dilakukan oleh manusia hendaklah mengandungi matlamat utama termasuklah dalam konteks perancangan harta. Objektif atau *maqasid* hukum Islam ialah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat. *Maqasid* syariah menurut al-Zuhayli adalah nilai-nilai dan tujuan Syarak yang tersirat dalam segenap atau sebahagian besar dari hukum-hukumnya.

Nilai-nilai dan tujuan-tujuan itu dipandang sebagai maksud dan rahsia syariah yang ditetapkan oleh Allah (s.w.t) dan Rasul dalam setiap ketentuan. Menurut Imam Abu Ishak as-Shatibi pula selain dari untuk memelihara kemaslahatan atau kepentingan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia, ia juga bertujuan memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka. Ini menunjukkan bahawa Islam membawa rahmat kepada manusia sekalian alam sebagaimana firman Allah (s.w.t) yang bermaksud iaitu: “*Kami tidak mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan menjadi rahmat untuk semesta alam*” (Al-Quran 21: 107)

Meneliti kembali kepada perbincangan berkaitan perancangan harta, ini menunjukkan bahawa *maqasid* syariah adalah salah satu elemen penting dan wajib semasa membuat sesuatu perancangan termasuk dalam konteks perancangan harta. Jawapan kepada persoalan kenapa unsur *maqasid* syariah ini penting adalah kerana pertamanya ialah syariah Islam dibina dengan asas untuk membawa kepada kebaikan dan menolak keburukan (جلب المصالح ودرء المفاسد). Syariah Islam didatangkan dengan sifat keadilan, rahmat, kebijakan dan kebijaksanaan yang tulen untuk menyelesaikan masalah manusia dalam kehidupan dunia dan akhirat. Tiada keadilan lain yang dapat menandingi kemaslahatan yang terkandung di dalam syariat Islam.

Kebaikan atau *maslahah* serta keburukan iaitu *mafsadah* tidaklah dapat ditentukan oleh akal manusia semata-mata tetapi sebaliknya

ditentukan oleh Allah (s.w.t). Terdapat juga *maslahah* yang dianggap sebagai *mafsadah* kerana dorongan hawa nafsu bgi sesetengah pihak, manakala tanggapan yang sebaliknya oleh golongan yang lain pula. *Maslahah* yang menjadi tujuan syariat adalah terbahagi kepada lima perkara iaitu agama, jiwa (nyawa, akal, keturunan dan harta). Setiap yang mengandungi penjagaan dan keselamatan ke atas lima perkara ini disebut sebagai *maslahah* dan setiap yang membuat hilangnya penjagaan dan kebaikannya adalah sebagai *mafsadah*.

Aspek keduanya ialah penjagaan terhadap lima aspek utama (*al-Daruriyyah al-Khamsah*) iaitu menjaga agama (*hifz al-din*), menjaga nyawa/ jiwa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-, aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasab*) dan menjaga harta (*hifz al-mal*). Menjaga harta iaitu *hifz al-mal* adalah bertepatan dengan tuntutan perancangan harta. Harta sebagai bentuk nadi kehidupan manusia dan tonggak kepada syiar Islam. Bahkan boleh dikatakan adalah mustahil sekiranya tiada manusia yang tidak memiliki harta. Memandangkan kepentingan harta dalam Islam, ia telah menggalakkan manusia untuk mencari rezeki dan berkongsi dengan cara yang betul.

Beberapa *maslahah* dalam pemilikan harta diharuskan dalam Islam antaranya ialah Islam menjadikan persetujuan antara kedua belah pihak sebagai asas jual beli dan muamalah; mensyariatkan zakat, sedekah, wasiat, hibah, wakaf, hutang dan selainnya; menggalakkan pelaburan positif dan meluaskan manfaat ekonomi dan akhirnya mengharamkan pengambilan harta melalui penindasan, penipuan dan pencerobohan hak orang lain. Oleh itu Islam jelas mengharamkan perbuatan mencuri, memakan riba, menyeludup, berjudi, rasuah dan sebagainya. Dalam konteks perancangan harta bolehlah digambarkan bahawa seseorang itu hendaklah merealisasikan keadilan, kesaksamaan, *syura* iaitu perbincangan, rahmah dan hikmah dalam setiap tindakan dan perancangan yang dibuat bagi diri sendiri mahupun mereka yang berada disekeliling.

Firman Allah (s.w.t) yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan*” (Al-Quran, 16: 90).

### **Nilai-nilai Perancangan Harta dalam Islam**

Dalam perancangan harta dalam Islam terdapat beberapa nilai penting yang telah dikenalpasti iaitu amanah, adil dan bijaksana. Akauntabiliti merujuk kepada tanggungjawab individu terhadap segala apa yang telah diamanahkan kepadanya dan perlu dilaksanakannya. Antara lain akauntabiliti bermatlamat untuk mencapai satu kaedah kawalan berkesan bagi memastikan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan dipatuhi dan juga menyediakan satu sistem berkesan bagi melaksana dan mengesan tanggungjawab yang diamanahkan (Mohd Tap et al., 1991). Dalam konteks pengurusan harta, nilai akauntabiliti sebegini akan meninggalkan beberapa implikasi positif - tekun dan konsisten dalam mencari dan mempergunakan harta yang diperolehi untuk urusan peribadi dan urusan kemasyarakatan, menguruskan harta mengikut garis panduan yang telah ditetapkanNya, bertanggungjawab terhadap harta yang dimiliki dan diamanahkan kepadanya, serta sentiasa cuba menambahbaik kaedah pengurusan hartanya dari masa ke semasa. Firman Allah (s.w.t): “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya)*” (Al-Quran 4:29).

Manakala adil pula dalam Islam ditakrifkan sebagai seimbang, meletakkan sesuatu pada tempatnya dan memberi hak kepada mereka yang berhak (*al-Muhsini*, 1998) tanpa menindas atau menyalimi hak orang lain. Dalam konteks pengurusan harta, nilai adil boleh dilihat menerusi beberapa sudut. Pertama, adil antara keperluan keluarga dan keperluan masyarakat. Keperluan keluarga perlu diberi keutamaan. Ini bertepatan dengan saranan agar meninggalkan keluarga dalam keadaan kaya/berharta adalah lebih baik daripada membiarkan mereka hidup dalam keadaan meminta-minta. Kedua, adil antara

faedah dunia dan saham akhirat. Kesibukan mengumpul dan mengembangkan harta untuk kesenangan hidup di dunia perlu diseimbangkan dengan pulangan untuk akhirat kelak. Dengan kata lain, usaha pengembangan harta bukan sahaja memberi hasil di dunia dalam bentuk material, bahkan juga turut memberi pulangan di akhirat kelak dalam bentuk *non material* iaitu pahala yang berpanjangan. Ketiga, adil sebagai pemegang amanah. Sebagai pemegang amanah harta, mereka perlu berlaku adil dengan memberikan hak kepada yang berhak tanpa mengurangi sedikit pun daripada harta tersebut, kecuali sekadar yang dibenarkan sahaja. Dengan terlaksananya nilai adil ini, maka matlamat keadilan sosial sebagaimana yang dibincangkan terdahulu akan dapat dicapai.

Kebijaksanaan yang dimiliki boleh diinterpretasikan dalam pengurusan harta dari dua sudut. Pertama, bijak memilih individu bagi memelihara harta seperti dalam kes menjaga harta anak yatim. Individu yang dipilih mestilah seorang yang boleh dipercayai, tidak mengambil kesempatan, sentiasa berlaku adil, tulus dan telus. Kedua, bijak dalam membelanjakan harta. Individu Muslim yang bijaksana berupaya untuk menentukan ke mana harta yang dimiliki hendak dibelanjakan – jalan yang diyakini benar-benar halal tanpa mengandungi unsur syubhah, saluran yang produktif dan memberi manfaat yang berpanjangan. Perbelanjaan sebegini adalah bagi mendapat keberkatan Allah (s.w.t), harta terus berkembang subur, tidak beku, terbiar mahupun terbuang begitu sahaja, harta dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang, harta tidak menjadi beban hisab di akhirat kelak serta memperolehi pahala di sisi Allah (s.w.t). Nilai bijaksana ini amat berkait rapat dengan ilmu. Islam amat menekankan kepentingan ilmu dan keperluan menuntut ilmu di kalangan umatnya.

### **Kepentingan Perancangan Harta**

Pengurusan harta yang baik memastikan harta sentiasa beredar dalam pelbagai sektor sehingga memungkinkan pengembangan harta dan penggunaannya secara meluas dan

menyeluruh. Melalui pengurusan harta yang baik, ia dapat menjamin peredaran harta secara meluas berpandukan hukum Syarak agar ianya dapat dinikmati oleh masyarakat dan negara.

Harta yang diperolehi dengan cara yang halal hendaklah dibelanja dan dikembangkan dengan cara yang halal dan dibenarkan Syarak. Di Malaysia, pelbagai peluang telah diwujudkan bagi umat Islam untuk menggerak dan mengembangkan harta mereka melalui pelbagai produk kewangan dan perbankan Islam. Pemakaian prinsip *al-musyarakah*, *al-wadi'ah*, *al-mudarabah* dan *al-murabahah* misalnya membolehkan umat Islam menyimpan dan mengembangkan harta yang mereka miliki dengan yakin tanpa ragu-ragu terlibat dengan unsur riba mahupun *gharar*. Dalam masa yang sama, ia membolehkan unit yang mengalami kekurangan dana mendapatkan pembiayaan daripada unit lebihan yang memiliki harta. Hal ini pasti tidak akan terjadi jika setiap individu tidak menguruskan harta mereka dengan baik dan membiarkan harta mereka beku dan tidak dikembangkan.

Harta yang diperolehi juga bukan sahaja perlu dibelanjakan untuk keperluan peribadi dan ahli keluarga semata-mata, bahkan juga untuk kebaikan masyarakat umum (Mohd Zamro & Mohd Ridzuan, 2006). Dalam hal ini, Islam telah menyediakan mekanisme bagi umat Islam untuk membelanja dan menggerakkan harta mereka untuk membantu kepada mereka yang memerlukan. Sebagai contoh, melalui sedekah, hibah, wakaf dan sebagainya. Wakaf memainkan peranan dalam menyediakan kemudahan asas kepada masyarakat seperti pendidikan, perumahan, kesihatan dan tempat ibadat. Begitu juga dengan pembentukkan dana wakaf yang mampu menggerakkan harta yang diwakafkan agar ianya dapat digunakan manfaatnya oleh masyarakat. Di Malaysia, antara contoh dana dan harta wakaf yang ada ialah dalam bentuk masjid dan tanah perkuburan, surau, sekolah dan pondok pendidikan, ladang pertanian, kebun, dusun dan bendang, hasil sejaan tanah, tanah terbiar, bangunan (kedai, rumah kedai,

kediaman), hasil sewaan bangunan, wakaf wang tunai, saham wakaf, wakaf saham, wakaf kaki, skim pelan takaful wakaf dan sebagainya (Siti Mashitoh, 2007). Melalui bentuk-bentuk wakaf ini, ia mampu menggerakkan harta yang dimiliki untuk manfaat bersama.

Pembekuan harta merujuk kepada satu tindakan dan perbuatan menahan harta yang dimiliki daripada membelanjakannya sama ada untuk diri sendiri mahupun ke jalan Allah. Walaupun harta itu adalah milik individu, namun manfaat dan peredarannya adalah milik perkongsian bersama di antara pemilik harta dan masyarakat seluruhnya. Tindakan pembekuan harta ini sebenarnya membawa banyak kesan buruk kepada individu itu sendiri dan juga kepada umat Islam serta ekonomi negara amnya.

Dalam sebuah akhbar tempatan melaporkan terdapat sejumlah lebih RM70 juta harta pusaka di negara ini masih belum dituntut (*Utusan Malaysia*, 2010). Manakala sebanyak RM40 bilion harta pusaka di Malaysia masih belum diselesaikan urusan pembahagiannya yang mana mengakibatkan harta tersebut beku dan tidak boleh dimajukan (Dalia, 2008). Melihat kepada jumlah harta yang belum dituntut dan harta beku yang tinggi, sudah tentu ianya merupakan suatu kerugian bagi ahli waris khususnya dan juga negara amnya. Bayangkan betapa tinggi nilai harta tersebut sekiranya ia dapat dibangunkan bagi keperluan ahli waris mahupun masyarakat Islam yang lain jika diuruskan dengan sebaik-baiknya. Perkara ini pasti tidak akan berlaku sekiranya harta tersebut dirancang dan diuruskan dengan sebaik mungkin. Adalah amat penting bagi pemilik harta untuk merancang dan mengurus harta yang dimiliki semasa hidup demi kesenangan ahli waris terutama selepas berlakunya kematian. Tanpa pengurusan harta, perkara di atas akan berlanjutan dan ahli waris tidak mendapat faedah dan terhalang daripada menikmati harta tersebut. Hal ini bertentangan dengan kepentingan yang dijaga dalam Islam dan tidak mencapai *maqasid al-syariah* itu sendiri.

Antara sebab berlakunya permasalahan di atas adalah kerana sikap sambil lewa ahli waris dan umat Islam yang masih lagi beranggapan bahawa faraid merupakan jalan keluar kepada setiap masalah pusaka. Hakikatnya, Islam telahpun menyediakan pelbagai instrumen alternatif kepada umat Islam dalam merancang dan menguruskan harta semasa hidup untuk kesenangan dan faedah ahli waris selepas berlakunya kematian pemilik harta. Antara alternatif yang boleh dilakukan oleh umat Islam dalam menguruskan harta mereka ialah dengan melakukan perlantikan pentadbir pusaka semasa hidup bagi memudahkan proses pembahagian mengikut faraid, melakukan wakaf dan hibah (Ahmad Hidayat, 2008), membuat penamaan kepada anggota keluarga terdekat yang benar-benar berhak untuk menerima simpanan mereka dan mengadakan surat wisayah (Abdul Aziz & Yusmawati, 2006). Oleh itu, setiap individu yang memiliki harta perlu proaktif dalam menguruskan harta yang dimiliki mengikut kaedah yang telah digariskan oleh Islam termasuklah dalam soal perwarisan harta kerana apabila meninggal dunia nanti, maka ahli warislah yang akan menerima dan mengambil faedah daripada harta si mati.

Dalam era globalisasi, persaingan ekonomi di peringkat global turut memberi impak kepada masyarakat Islam (M. Shabri & Nasir, 2007). Masa depan ekonomi umat Islam khususnya bergantung kepada bagaimana sumber-sumber ekonomi dan kehartaan diurus dan dikendalikan sama ada oleh pemerintah mahupun masyarakat Islam itu sendiri. Di sinilah tanggungjawab setiap individu Muslim untuk berperanan secara aktif dalam menggunakan sumber dan harta yang dimiliki bagi sama-sama menggerak dan mengembangkan aktiviti ekonomi ummah. Apabila berkembangnya ekonomi negara hasil daripada penglibatan semua pihak, ia mampu membawa negara untuk bersaing secara sihat di peringkat global yang kini masih lagi dikuasai oleh kuasa-kuasa barat.

Keadaan ini secara tidak langsung mampu memberi kesejahteraan dan kesenangan kepada masyarakat setempat dan akhirnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Sebagai contoh, dana yang dikumpul melalui saluran zakat membolehkan pelbagai program pembangunan asnaf dijalankan seperti program usahawan asnaf. Usahawan asnaf merupakan suatu konsep yang baru diteroka di Malaysia, di mana bantuan modal perniagaan berbentuk tunai mahupun peralatan diberi kepada para asnaf yang produktif dan berminat untuk menceburi bidang perniagaan. Ia giat dijalankan di beberapa buah negeri seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang melalui pusat zakat masing-masing (Mohd. Abd. Wahab Fatoni & Adibah Hasanah, 2008). Peruntukan bantuan diambil daripada wang zakat yang dibayar kepada pusat zakat negeri dan diagihkan kepada para asnaf kategori fakir, miskin, mualaf dan seumpamanya. Pemberian bantuan ini bertujuan untuk membantu para asnaf memperbaiki taraf hidup dan mengembangkan perniagaan sedia ada, di samping membantu memperkasakan ekonomi ummah. Semua ini adalah bertitik tolak daripada kesedaran bahawa setiap individu perlu berusaha untuk mengubah nasib kehidupan mereka sendiri, sebagaimana firman Allah (s.wt): *“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri”* (Al-Quran 13:11).

Sejarah juga telah membuktikan bahawa dana zakat merupakan sumber kewangan terpenting sejak zaman pemerintahan Rasulullah (s.a.w). sehingga kepada para khalifah selepasnya. Hasil pungutan pelbagai jenis zakat, di samping *ghanimah, fay’ dan jizyah* menampung keperluan pemerintahan Islam ketika itu yang berpusat di Madinah, menampung aktiviti dakwah Islamiyah dan juga menampung keperluan penduduk setempat (Hisham & Zulkifli, 2006). Selain itu, wakaf turut memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan negara. Wakaf telah menjadi mekanisme bagi mencapai pembangunan dalam konteks yang menyeluruh

kerana wakaf berperanan dalam menyediakan kemudahan pendidikan, kesihatan, tempat ibadat, jalan raya, jambatan dan sebagainya (Abdul Hasan, 2002). Di Malaysia, perwakafan melalui bentuk harta wakaf dan saham wakaf membolehkan projek-projek pembangunan ekonomi dilaksanakan sama ada menggunakan harta wakaf itu sendiri, hasil pulangan daripada harta wakaf tersebut ataupun kumpulan wang dana saham wakaf. Pelaksanaan projek-projek ini memberi kesan kepada pembangunan ekonomi secara langsung mahupun tidak langsung kepada masyarakat Islam (Asmak, 2009). Di Turki dan Iran pula, bandar-bandarnya telah dibangunkan sepenuhnya menggunakan institusi wakaf yang pada ketika itu masing-masing berada di bawah kerajaan Utmaniyyah dan kerajaan Safavid (Mohd. Dani & Baharuddin, 2006).

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat dianalisiskan bahawa seseorang individu hendaklah mempunyai perancangan terhadap semua harta yang dimilikinya untuk memastikan bahawa harta tersebut dapat dinikmati secara berterusan sama ada untuk kepentingan dan kebajikan diri sendiri mahupun orang lain. Dalam hal ini, pelbagai aspek dan langkah yang harus diberi perhatian dalam membuat rancangan terutama dalam konteks pembahagian harta. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa agihan sistem pusaka masih lagi mendominasi kaedah pembahagian harta di kalangan masyarakat Islam di Malaysia, tetapi bentuk instrumen lain juga hendaklah diberi perhatian penting kerana ia mampu melicinkan lagi proses agihan harta yang boleh dibuat dan dilaksanakan sama ada sebelum mahupun selepas berlakunya kematian pemilik harta. Inilah yang dikatakan Islam itu agama yang *syumul* dan tidak ada satu ilmu pun yang tertinggal dalam al-Quran untuk panduan kepada manusia dalam menjalani kehidupan sehari-hari bagi menikmati ganjaran kesenangan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Stigma dan kepercayaan masyarakat yang menyatakan agihan pusaka adalah satu-satunya sistem agihan yang wujud selepas kematian haruslah diubah.

Ini tidak bermaksud menafikan keberkesan dan kehebatan sistem pusaka dalam Islam yang turut diakui oleh orientalis barat bahawa pembahagian sistem pusaka dalam Islam adalah tidak syak lagi merupakan sistem perundangan harta yang paling baik dan canggih yang pernah diketahui oleh dunia bertamadun serta mantap dalam ketetapan matematik dalam menentukan hak mana-mana waris dalam keadaan apa sekalipun boleh ditentukan (Azman, 2007). Pelbagai unsur dan faktor yang harus difikirkan dalam mengadakan rancangan ke atas harta yang dimiliki sebelum ianya dilaksanakan bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan berlandaskan kepada prinsip-prinsip hukum syarak melalui kaedah-kaedah yang telah disediakan dalam Islam. Oleh itu, masalah-masalah yang ditimbulkan di awal perbincangan yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia mampu dielakkan. Melalui kepelbagaian kaedah-kaedah pembahagian harta dalam Islam yang saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain yang mempunyai identiti dan keistimewaan yang tersendiri wajar diperaktikkan dengan lebih meluas dalam membantu umat Islam merancang pembahagian harta semasa hidup mahupun selepas kematian.

## Rujukan

### Al-Quran

Al-Nadawi, A. A. (1994). *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dar al-Qalam, Damsyik, Syria.

Al-Muhsini, A. (1998). "Dawr al-'Adalah fi al-Tanmiyah al-Iqtisadiyyah" dalam Majallah Islamiyyah Fikriyyah al-Tawhid, no. 95, Julai 1998. Mu'assasah al-Fikr al-Islami, n.p.p.

Abdul Aziz, H., & Yusmawati, Y. (2006). "Perancangan harta di Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd.", dalam Siti Mashitoh Mahamood (ed.) (2006), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Abdul Hasan, M. S. (2002). "Waqf, Perpetual

Charity and Poverty Alleviation", International Journal of Social Economics, 29(1/2):135-151.

Abu al-Sa'ud al-Imadi (t.t.). *Irshad al-'Aql al-Salim ila Mazaya al-Kitab al-Karim*. al-Maktabah al-Syamilah.

Abu Bakar, A. H. B. (2003). *Shu'ab al-Iman*, diitahqiqkan oleh Mukhtar Ahmad al-Nadawi, j. 12, h. 476. Maktabah al-Rush li al-Nashr wa al-Tawzi, Riyad.

Ahmad, H. B. (2007). "Prinsip dan Pelaksanaan Wasiat", dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.) (2007). *Undang-undang Islam di Malaysia: Prinsip dan Amalan*. Penerbit Universiti Malaysia, Kuala Lumpur.

(2008). "Appreciation of Syariah Principle in Property Management in Contemporary Malaysian Society", *Jurnal Syariah*, 16, 555-566.

Ahmad Syafi'i Khatib (2005). *Hikmah Zakat*. Jasmin Enterprise, Kuala Lumpur.

Al-Maududi (1976). *Fundamentals of Islam*. Islamic Publications Ltd., Lahore, India.

Al-Sayyid, M. H. (1976). *al-Idarah al-Asas wa Usul al-'Ilmiyyah*, cet. 3. n.p., Cairo, Mesir.

Arieff Salleh Rosman (2002). *Harta Intelektual Menurut Fiqh Islam*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Asmak, A. R. (2009). "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia", *Jurnal Syariah*, 17(1):35.

Azman, C. O. (2003). *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Utusan Malaysia (2010). "Lebih RM70 Juta Harta Pusaka belum dituntut". Dipetik pada 31 Mac 2010.

- Bettelheim, C. (1959). *Studies in The Theory Planning*. Asia Publishing House, India.
- Tan, C., & Huan, J. (2004). *Estate Planning Made Easy*. Providend Pte Ltd., Singapore.
- Clifford, D. (2007). *Estate Planning Basics*. Nolo, USA.
- Dalia, I. (2008). "RM40 Bilion Hak Milik Beku", dalam Milenia Muslim, Julai 2008, 6(17):16-17.
- Dessler, G. (2002). *A Framework For Management*. Prentice Hall, New Jersey, USA.
- Hassan, A., & Muhammad, S. A. (1998). *Usul al-Fiqh dan al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Pustaka Abdul Majid, Kuala Lumpur.
- Hisham, S., & Zulkifli, H. (2006). "Zakat: Instrumen Penyumbang Pembentukan Usahawan", dalam Zamzuri Zakaria et al (eds), Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam. UKM & KIPSAS.
- Kamus Dewan (2005). edisi 4. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; dipetik daripada <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=produktif>.
- Kapoor, J. R. (2003). *Personal Finance*, c.7. McGraw-Hill Companies, n.n.p.
- Yuen Seong, L. (1999). *Estate Planning Recording the Estate Planning Puzzle in Malaysia and Singapore*. Brains & Talents Publication Sdn. Bhd., n.p.p.
- M. Shabri, A. M., & Nasir, A. (2007). "Ke Arah Integrasi Ekonomi Dunia Islam: Strategi Untuk Menangani Kesan Globalisasi", *Jurnal Syariah*, 15(10): 55-76.
- Mancer, C. J. (1994). *Guide to New Zealand Estate Planning and Tax*. The Law Book Company Limited, Sydney, Australia.
- Meek, C. S. (1991). *Money Matters Financing Planning and Investment Ideas for the Non Finance Profesional*. Golden Books Centre Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Mohd Zamro, M., & Mohd. Ridzuan, A. (2006). Undang-Undang Pusaka Islam Perlaksanaan di Malaysia. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Mohd. Abd. Wahab Fatoni, M. B., & Adibah Hasanah, A. H. (2008). "Mobilisasi Zakat Dalam Pewujudan Usahawan Asnaf: Satu Tinjauan", *Jurnal Syariah*, 16.
- Mohd. Dani, M., & Baharuddin, S. (2006). "Wakaf dan Bandar Islam: Satu Perspektif Sejarah", dalam Zamzuri Zakaria et al (eds), Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam. UKM & KIPSAS.
- Muhammad, A. R. (1994). *Ummah Negara Islam*, Padilah Hj Ali (terj.). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Eu Jin, O. (2004). *Your Guide to Estate Planning and Administration*. Leeds Publications, Selangor.
- Othman, Y. (2006). "Pembentukan Trust Hibah sebagai alternatif Perancangan harta", dalam Siti Mashitoh Mahamood (ed)(2006), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Prestopino, C. J. (n.d.). *Introduction to Estate Planning*. Dow Jones & Company, United States.
- Providing for the Desired, (2010). Dipetik daripada <http://ohioline.osu.edu/estate/0001.html>, Dipetik pada 13 April 2010.
- Rosenbloom, M. S (t.t). "Estate Planning: An Overview", Symposium on Business Management of Dental Practice, Dental Clinics

- of North America, 25 (4):697.
- Sadali, R. (2006). Personal Wealth Management for Muslims. HTHT Advisory Services Pte Ltd., Singapore.
- Siddiq, F., Abd. Malek, A. K., & Malek Shah, M. Y. (2010). Pengurusan Islami: Prinsip dan Nilai Qurani. Akademi Pengurusan YAPEIM Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
- Siti Mashitoh, M. (2007). "Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia", Jurnal Syariah, 15(2):69-70.
- Siti Mashitoh, M. (2009). "Isu Pengurusan Wang Tak Dituntut Milik Orang Islam: Bidang Kuasa Baitulmal dan Pemakaian Perundang Semasa", dalam Sohaimi Hj Mohd Salleh et.al (ed.) (2009), Prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Kuala Lumpur.
- Waterson, A. (1965). Development Planning: Lessons of Experience. Jonhs Hopkins Press, Baltimore.
- West, David A., & Wood, Glenn L. (1972). Personal Financing Management. Houghton Mifflin Company, USA.
- Yahaya, J., & Azhar, M. (2005). Interaksi Harta Dalam Al-Quran Pengertian, Pengumpulan dan Pemanfaatan. Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Zainal Abidin, M. (1998). Pengurusan Strategik. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.